

Industri ciptaan mereka berpindah tangan Hilang peluang kerana lemah

15 AUG 1985

Oleh NORDIN MOHAMAD

KUALA TERENGGANU, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal kerana beberapa perusahaan yang asalnya diusahakan oleh Bumiputera, kini dikuasai oleh 'orang lain' dan menjadi punca kekayaan mereka pula.

Katanya, ini berlaku kerana Bumiputera kurang berusaha memperbaiki perusahaan serta merebut peluang-peluang mengikut kehendak semasa.

"Jika kita menunggu dengan tangan dalam kocek, kekayaan tidak akan datang melayang. Akhirnya kita sendiri yang kecewa," tegas beliau kepada kira-kira 10,000 orang, di majlis perasmian Ekspo 10 tahun Pembangunan Negeri

Terengganu, di Padang Hiliran, di sini petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya sedih perusahaan yang asalnya dibuat oleh Bumiputera seperti sate apabila diusahakan oleh orang lain, secara mengetin dan sebagainya, ia memberi keuntungan kepada mereka".

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, Bumiputera tidak boleh menyalahkan orang lain kerana ia berpunca daripada mereka sendiri.

Beliau berkata, perusahaan kain songket satu lagi perusahaan yang perlu diubah, daripada diusahakan secara sambilan kepada perusahaan kekal, dengan menggunakan alat-alat moden.

Dengan cara ini, tambah beliau, pengeluaran kain songket akan bertambah, kadar keuntungan juga meningkat, di samping dapat mengurangkan harga pasaran agar semua golongan mampu membelinya.

Katanya, kini masih ada perusahaan kain songket yang terkenal di Terengganu dibuat secara sambilan.

"Apabila ada masa kita membuatnya. Itu pun mengambil masa sebulan untuk menyiapkan sehelai songket," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mahu pengusaha kecil Bumiputera mengubah sikap dan sistem pengeluaran mereka dengan mematuhi masa bekerja, berdisiplin, menggunakan kaikitangan yang tetap dan mementingkan mutu, serta menggunakan alat-alat moden.

"Sesuatu nikmat tidak akan datang tanpa usaha. Minyak di dasar laut tidak mengalir sendiri jika kita tidak berusaha mencarigalinya.

Syarat

"Jika kita tidak tahu mengurus pengeluaran minyak, keuntungannya akan diperolehi oleh orang lain. Tetapi, oleh kerana kita berusaha dan mengenakan syarat-syarat yang ketat, keuntungan perusahaan minyak dapat kita nikmati," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan, bahawa peluang-peluang dalam perusahaan petroleum dan perusahaan yang berkaitan dengannya di negeri ini perlu direbut oleh rakyat Terengganu dengan semangat berani mencuba.

"Oleh itu, kita hendaklah melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan dan menukar sikap bekerja untuk menambahkan nikmat," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegur golongan ini yang mempersoalkan mengapa sumber minyak yang dijumpai di perairan Terengganu tidak dijadikan perusahaan rakyat.

Menurut beliau, setakat ini, Kerajaan Pusat dan syarikat-syarikat minyak termasuk Petronas melabur \$4,000 juta dalam perusahaan minyak di Terengganu.